



Felda berterusan
bangunkan peneroka

KEPUTUSAN kerajaan membangunkan projek mega pertama iaitu gugusan Jenka selepas negara mencapai kemerdekaan khusus bertujuan membasmi kemiskinan jelas sekali memberi harapan baru kepada rakyat.

Pembukaan kawasan tanah baru di Wilayah Jenka terletak di atas percantuman tiga daerah di negeri Pahang iaitu daerah Temerloh, Jerantut dan Maran telah memberi ruang khususnya kepada masyarakat Melayu untuk menyertai arus pembangunan negara.

Buktinya, menerusi projek ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) yang bertanggungjawab memajukan Jenka atau dikenali sebagai segi tiga Jenka berjaya melahirkan kelompok peneroka yang berjaya terutama dari aspek peningkatan taraf hidup yang tidak boleh dipersoalkan.

Malah risiko kerajaan mendapatkan dana Bank Dunia berjumlah \$USD52 juta bagi membangunkan Wilayah Jenka nyata berbaloi apabila akhirnya kini kawasan Jenka berubah menjadi kawasan ladang yang tumbuh

Peneroka mampu mencipta masa depan yang cerah untuk keluarga mereka.



menghijau selain kewujudan Bandar Pusat Jenka yang pesat membangun dengan pelbagai kemudahan.

Bekas Pengarah Besar Felda yang kedua, Datuk Alladin Hashim berkata, pembukaan Wilayah Jenka sekitar tahun 60an juga menyaksikan proses transmigrasi berskala besar.

Melaluinya kerajaan berusaha memindahkan rakyat daripada kawasan yang jumlah kepadatan penduduknya tinggi serta kurang tanah kepada kawasan baru diterokai dan dimajukan.

Tindakan berani

Mengimbuai kembali bagaimana beliau terlibat secara langsung dalam proses pemilihan peserta Felda Jenka, Alladin berkata, projek mega berkenaan cukup mendapat sambutan daripada rakyat di seluruh negara.

Menurutnya, sambutan menggalakkan itu membuktikan bahawa masyarakat khususnya kaum Melayu ketika itu bersedia untuk bersama-sama dengan Felda mengubah kehidupan mereka kepada satu tahap yang lebih baik.

"Peneroka berani buat keputusan dengan menyertai tanah rancangan untuk mencipta kehidupan baru serta mencipta masa depan yang



"Keputusan menyertai tanah rancangan mencipta kehidupan baru dengan jaminan masa depan yang lebih cerah untuk keluarga," Alladin Hashim.

lebih cerah untuk keluarga," katanya.

Jelas Alladin, bagi memastikan peserta rancangan Felda yang dipilih menepati ciri-ciri yang ditetapkan, pelbagai kriteria dan syarat perlu diberi perhatian.

"Dari segi kelayakan kita beri perhatian kepada faktor umur serta kesihatan tubuh badan manakala dari segi keperluan pihak Felda mempertimbangkan mengenai pendapatan pemohon serta mereka yang tak ada punca pendapatan.

"Selain itu kita juga ambil perhatian kepada mereka yang mempunyai ramai anak dalam tanggungan. Ini semua kriteria yang kita guna untuk pilih peneroka," katanya.

Selaras dengan moto 'tanah untuk orang yang tak bertanah', Felda menggunakan khidmat kontraktor bagi meneroka hutan, menanam serta membina rumah sebelum membawa masuk golongan peneroka di Jenka.

"Peneroka masuk dalam kawasan yang sudah siap ditanam pokok serta dibina rumah, kata orang... 'cuci kaki' sahaja.

"Tapi hakikatnya itu adalah permulaannya. Sungguhpun mudah,

tapi bukan senang kerana peneroka terpaksa mulakan hidup baru serta tinggalkan kampung halaman masing-masing," katanya.

Pembangunan sosial

Cabaran Felda seterusnya ialah apabila berhadapan dengan kumpulan peneroka yang dibawa dari seluruh pelosok negara yang berbeza latar belakang untuk ditempatkan di kawasan tanah rancangan.

Bermula daripada asas kehidupan secara berkelompok, disiplin kerja hingga kepada kemahiran pengurusan tanah dan ladang semuanya perlu diberi perhatian oleh Felda bagi memastikan sistem yang dirangka berjaya beroperasi dengan baik.

Menurut Alladin, beliau dan kakitangan Felda ketika itu perlu memainkan peranan untuk membangunkan peneroka yang kebanyakannya tidak berpengalaman untuk menguruskan ladang dalam skala yang besar.

Katanya Felda menggunakan pendekatan 'serampang dua mata' yang bertujuan meningkatkan

kemahiran pertanian peneroka di samping mewujudkan masyarakat baru yang bersatu padu, maju dan progresif.

Usaha dan program ini diberi nama 'pembangunan peneroka dan pembangunan sosial. Malah Jabatan Pembangunan Peneroka ditubuhkan pada 1967 untuk memberi pengkhususan kepada peranan baru Felda ini.

"Jika sebelum ini mereka sudah terbiasa dengan cara hidup di kampung tradisional, jadi kita perlu latih mereka untuk sesuaikan diri kepada cara hidup yang lebih teratur. Rumah pun dibina dengan sistem blok.

"Pengalaman lama mereka mungkin tanam padi, sayur atau toreh getah. Namun bila masuk Felda mereka kena buat secara lebih disiplin.

"Mereka perlu didisiplinkan kerana tanaman kelapa sawit dan getah mesti dibuat secara komersial. Tak boleh bangun tidur sesuka hati, masa menoreh mereka mesti bangun malah pagi-pagi kena roll call sebelum mereka masuk ke ladang.




Tanaman kelapa sawit antara tanaman komoditi yang menjadi punca pendapatan utama warga peneroka.

"Felda juga terapkan kemahiran moden, ubah cara bekerja dan wujudkan keluarga yang progresif dan ingin maju," katanya.

Pada peringkat ini juga Felda bertanggungjawab untuk mewujudkan satu kelompok masyarakat secara bersistem termasuk mewujudkan institusi baru dalam komuniti itu sendiri.

Jelas Alladin, kerangka masyarakat yang diperkenalkan Felda turut mengambil kira pelbagai keperluan masyarakat peneroka termasuk pembentukan sahsiah dan nilai-nilai murni.


"Tumpuan awal ditujukan kepada usaha memupuk pertumbuhan institusi atau badan badan peneroka termasuk juga mewujudkan kepimpinan tempatan dikalangan masyarakat rancangan.



Allahyarham Tun Abdul Razak sedang berucap kepada peneroka Felda.



Semangat bergotong-royong telah disemai sejak mula-mula peneroka tiba di tanah rancangan.



Sebahagian daripada peserta tanah rancangan Felda ketika mula-mula tiba di tanah rancangan.

pembangunan Felda agar terus kekal dan memberi manfaat kepada warga rancangan Felda, Alladin mencadangkan agar sistem saham diperkenalkan selari dengan perkembangan semasa.

Menurutnya, konsep tradisional iaitu sistem pemilikan tanah seharusnya ditukar kepada sistem pemilikan saham yang lebih efisien dan menguntungkan terutama untuk tempoh jangka masa panjang.

"Elok sekiranya mereka

digalakkan menyertai Koperasi Permodalan Felda (KPF) secara berterusan bagi menjamin untuk terus menerima manfaat serta pulangan daripada kegiatan hiliran dan pelaburan anak-anak syarikat Felda," katanya.

Bukan itu sahaja jelas Alladin, menerusi pelaburan dalam KPF ia akan memberi satu lagi punca pendapatan untuk peneroka selain boleh menstabilkan pendapatan peneroka pada masa masa harga kelapa sawit atau getah menurun.

"Sistem perwakilan peneroka dan sistem kerja ladang dilaksanakan melalui Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) dan 'Sistem Blok'.

"JKKR dianggotai oleh Ketua Blok yang dilantik oleh peneroka sendiri dan juga oleh wakil-wakil belia dan wanita," katanya.

Tambah Alladin, perwakilan peneroka melalui JKKR membolehkan mereka terlibat dalam pengurusan dan pembangunan rancangan diperingkat tanah rancangan, wilayah dan nasional.

Rupa bentuk rumah di dalam tanah rancangan pada awal kemunculan Felda.

Malah katanya, ketua peneroka sekarang turut diberi kedudukan sebagai ahli Lembaga Felda di peringkat tertinggi pentadbiran Felda.

Menurut Alladin lagi, mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan proses membangunkan modal insan di kalangan warga peneroka adalah lebih mencabar jika dibandingkan dengan pembangunan tanah.

"Lebih susah, lebih mencabar daripada kerja menanam kerana

kita perlu tentukan apa yang ditanam dijaga dengan baik dan peneroka itu bekerja dengan kuat dan rajin.

"Kita juga perlu pastikan peneroka dapat hidup sebagai satu kelompok masyarakat yang baru...itu menjadi cabaran kepada Felda, inilah pembangunan sosial peneroka ketika itu," katanya.

Manfaat berterusan

Bagi menjamin model

meningkatkan pelaksanaan sistem saham di tanah-tanah rancangan iaitu pada asasnya melibatkan penukaran hak milik tanah dengan hak milik saham.

"Faedahnya jelas lebih menguntungkan di mana peserta menerima upah untuk kerja yang dilakukan di samping turut memperoleh dividen daripada keuntungan saham mereka dalam kawasan ladang sawit atau getah rancangan mereka," katanya.

Selain itu menurut beliau, peneroka dan generasi kedua

Jangan lupa objektif

Selaras dengan peredaran zaman, Felda juga perlu melakukan perubahan selari dengan matlamat asal penubuhan Felda iaitu membasmi kemiskinan.

Namun meskipun tanggungjawab berkenaan dilihat sudah berjaya, Felda akan terus memainkan peranan sebagai satu badan yang berfungsi mempertahankan nasib peneroka dan generasi baru.

"Felda ditubuhkan bagi memajukan peneroka, meningkatkan pendapatan serta mutu hidup keluarga peneroka. Apa jua kita buat, kita seharusnya tidak lari daripada objektif asal ini.

"Tapi modus operasinya boleh berubah mengikut masa dan peredaran zaman. Kalau dulu pemilihan tanah adalah penting, tapi sekarang itu tak penting lagi sebaliknya aset adalah penting," katanya.

Justeru beliau berharap semua pihak termasuk kakitangan Felda, peneroka serta generasi baru agar terus sama-sama mempertahankan Felda.

"Kepada warga Felda sama ada peneroka, generasi pertama, kedua, ketiga dan kepada kakitangan Felda, jangan buat apa-apa yang boleh merosakkan Felda sama ada dari segi operasi ataupun imej.

"Felda perlu terus diuruskan dengan baik. Inilah menjadi tugas berterusan pentadbiran Felda, peneroka serta generasi baru. Perjuangan asal kita perlu diteruskan," katanya.

